



PRN punca kes meningkat

Sinar HARIAN (07/10/2020) M/S 02

Muhyiddin akui tidak dapat elak untuk mengadakan PRN Sabah selepas DUN dibubarkan pada 30 Julai lalu

Oleh MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

SHAH ALAM

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengakui kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah ke-16 menjadi antara punca peningkatan kes pandemik koronavirus (Covid-19) di negara ini.

Menurut beliau, PRN Sabah terpaksa diadakan apabila Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 30 Julai lalu.

Jelas Muhyiddin, PRN tersebut tidak dapat dielakkan kerana tertakluk kepada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan.

“Saya sedar Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan prosedur operasi standard (SOP) tertentu bagi memastikan wabak Covid-19 tidak merebak akibat kempen pilihan raya diadakan.

“Tetapi malangnya ada SOP yang tidak dipatuhi, misalnya penjarakkan sosial. Ketika saya turun berkempen di banyak tempat, saya lihat SOP mengenai penjarakkan sosial agak kurang dipatuhi.



MUHYIDDIN

Kerajaan tidak berhasrat laksanakan PKP

SHAH ALAM - Kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara buat masa ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sekiranya PKP dilaksanakan sekali lagi, ia boleh membawa kesan besar yang dikhawatiri akan meruntuhkan sistem sosial dan ekonomi negara.

Menurutnya, kerajaan akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Bersasar di kawasan yang dikenal pasti mempunyai kes Covid-19 yang tinggi.

“Oleh itu, aktiviti ekonomi dan

sosial di kawasan lain yang tidak terjejas boleh diteruskan dengan amalan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dan penguatkuasaan yang tegas.

“Saya percaya kesiapsiagaan sistem kesihatan akan membolehkan kita menangani penularan Covid-19 tanpa perlu kita menutup sektor ekonomi yang pernah dilakukan sebelum ini.

“Setakat ini, proses pemulihan ekonomi berjalan dengan lancar.

“Semua keputusan perlu mengambil kira kepentingan 15 juta rakyat kita yang keluar bekerja,” katanya.

“Walaupun hampir keseluruhan (orang) memakai pelitup muka tetapi masih ramai yang duduk dekat-dekat dalam keadaan yang agak sesak,” katanya dalam siaran langsung Perutusan Khas Situasi Semasa Covid-19 menerusi televisyen dan Facebook semalam.

Muhyiddin turut memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap orang ramai yang melanggar SOP bagi mengekalkan penularan Covid-19.

“Pada masa ini, kita semua mesti patuh kepada SOP dan arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

“Jika ada yang melanggar undang-undang, hukuman kompaun dan lain-lain akan dikenakan tanpa mengira pangkat dan darjat.

“Maaflah jika Abah ini mula menggunakan rotan!” tegas beliau.

Dalam pada itu, Muhyiddin turut menegaskan tidak wujud isu *double standard* dalam soal mematuhi arahan kuarantin.

“Saya sendiri pada masa ini sedang menjalani kuarantin di rumah selepas mempengerusikan satu mesyuarat yang dihadiri oleh seorang menteri yang di-sahkan positif Covid-19.

“Ini kali kedua saya menjalani kuarantin di rumah sejak pandemik Covid-19 melanda negara kita dan saya mesti patuh kepada peraturan,” katanya.

Muhyiddin berkata, selain beliau, tujuh lagi menteri dan enam timbalan menteri turut dikehendaki menjalani kuarantin di rumah pada ketika ini.

“Mereka mesti patuh kepada peraturan dan tindakan boleh diambil sekiranya ingkar,” tegas Muhyiddin.